

MORFOLOGI – CONTOH-CONTOH KATA

| BIL | JENIS KATA | CONTOH KATA | CONTOH AYAT/NOTA |
|-----|--|---|----------------------------------|
| 1. | Kata Terbitan imbuhan awalan, imbuhan akhiran, imbuhan sisipan imbuhan apitan | berlari, membaca lambaian cemerlang melaksanakan | Adik sedang membaca buku. |

KATA TERBITAN

Kata terbitan ialah perkataan yang mengalami **proses pengimbuhan** pada kata dasar sama ada pada bahagian awalan, sisipan, akhiran atau apitan.

| Awalan | Sisipan | Akhiran | Apitan |
|--|--|---|--|
| <u>Kata nama</u> pelakon, pengebom , pelajar, ketua, sekampung juruwang , ekabahasa, dwifungsi , mahasiswa, prasejarah , swafoto , antipenjajah , subtajuk , multinasional | <u>Kata nama</u> kelopak, telapak, gelanggang, cerucuk , gerigi, seruling, kemuning, kemuncup | <u>Kata nama</u> buangan, seniman, sasterawan, olahragawati, patriotisme, cerpenis | <u>Kata nama</u> peperiksaan, pengiriman , pembangunan, pendapatan , perbuatan, keberanian, keselesaian |
| <u>Kata kerja</u> memancing, mengecat , dijahit , diperlebar , berumah, berlari, belajar | <u>Kata kerja</u> jelajah, gelegak, kelupas, sinambung | <u>Kata kerja</u> laksanakan, padamkan, baiki, hargai | <u>Kata kerja</u> meletakkan, menembusi, memperdagangkan, disarankan, disertai, diperalatkan, bergandingan, beralaskan |
| <u>Kata adjektif</u> tertinggi, terbesar, secantik, sedalam | <u>Kata adjektif</u> selerak, gemerlap, gemilang, gemuruh, semerbak | | <u>Kata adjektif</u> kemelayuan, kecinaan, kemerah-merahan |

| | | | |
|----|--|---|--|
| | | | |
| 2. | Kata Ganda Kata Ganda Penuh Kata Ganda Separa Kata Ganda Berentak | murid-murid, undang-undang Lelayang. Kekabu, jeriji lintang-pukang. gerak-geri | -Murid-murid hendaklah menumpukan sepenuh perhatian terhadap pengajaran guru di dalam kelas. -Abang sedang menolong ayah memasang <u>jeriji</u> pada tingkap dapur. |
| 3. | Kata Nama Am | adik jalan pelajar meja sekolah pokok | Adik menangis apabila dimarahi emak. |
| 4. | Kata Nama Khas | Ahmad, Si Belang, Pusat Sains Negara | Kucing itu diberi nama <u>Si Tompok</u> oleh ibu saya |

| | | | |
|----|---|---|---|
| 5. | Kata Ganti Nama Diri | <p><u>Pertama</u> -Aku, saya, beta, hamba, patik, kami, kita</p> <p><u>Kedua</u> Awak, kamu, anda, kalian, engkau, kau, tuanku, tuan hamba, encik, cik, tuan, puan</p> <p><u>Ketiga</u> Mereka, baginda, beliau, dia, nya, ia</p> | |
| 6. | Kata Kerja | <p>memasak, bermain melompat menunjukkan menunggang</p> | Emak sedang <u>memasak</u> nasi di dapur. |
| 7. | Kata Adjektif Menunjukkan sifat sesuatu | <p>merah, kuat, bulat lebar tebal marah, cerah cantik lurus panjang, baik tinggi luas masyhur gemuk, sunyi</p> | <p>-Bangunan itu sangat <u>tinggi</u></p> <p>-Suasana di dalam dewan itu <u>sunyi</u> kerana peperiksaan sedang dilangsungkan di situ</p> |
| | <p><u>Kata Majmuk Rangkai kata Bebas</u></p> <p>Alat tulis, ambil alih, balai polis, campur aduk, derma kilat, buku latihan, gambar rajah</p> | <p><u>Kata Majmuk mantap</u> (dieja sebagai satu perkataan)</p> <p>Antarabangsa, tanggungjawab, bumiputera, jawatankuasa, setiausaha,</p> | <p>-Alat tulis itu kepunyaan Ali.</p> <p>-Ali merupakan kakitangan sekolah ini.</p> |

| | | | |
|-------------------|---|--|---|
| | <p><u>Kata Majmuk istilah khusus</u> Akar tunjang, bahan api, denyutan jantung, garam mineral</p> | <p>kakitangan, olahraga, kerjasama, matahari, setiausaha, suruhanjaya, tandatangan, warganegara, pesuruhjaya, beritahu</p> <p><u>Kata Majmuk Kiasan (simpulan bahasa)</u></p> <p>Akal kancil, gaji buta, gatal mulut, isi hati, nyawa ikan, ringan tulang</p> | <p>-Kita mestilah menjalankan tanggungjawab sebagai warganegara yang cinta akan Negara.</p> <p>-Pelajar yang ringan tulang akan disukai ramai.</p> |
| | <p><u>AKRONIM</u></p> <p><u>Kata akronim cantuman suku kata awal perkataan</u> Pawagam (panggung wayang gambar) Cerpen (cerita pendek) Purata (pukul rata) Tadika (taman didikan kanak-kanak) Tabika (taman bimbingan kanak-kanak) Halaju (hala laju) Kugiran (kumpulan gitar rancak) Jentolak(jentera tolak0</p> | <p><u>Kata akronim cantuman hurug dan suku kata perkataan sesedap sebutan</u></p> <p>Intan (Institut Tadbir Awam) Bernama (Berita Nasional) Mara (Majlis Amanah Rakyat) Perhilitan(Perlindungan Liar Taman Negara) Perkeso(Pertubuhan Keselamatan Sosial)</p> | <p><u>Kata akronim huruf awal perkataan</u></p> <p>ABIM-Angkatan Belia Islam Malaysia ADUN-Ahli Dewan Undangan Negeri IKIM-Institut Kefahaman Islam Malaysia</p> |
| KATA TUGAS | | | |
| 8. | Kata Penguat | <p>sungguh amat sangat nian Sekali ter paling agak</p> | <p>-P. Ramlee seorang seniman agung yang <u>sangat</u> masyhur</p> <p>-Perniagaan kedai serbaneka Encik Wong maju <u>sekali</u>.</p> |

| | | | |
|-----|---|---|--|
| 9. | <p>Kata Hubung</p> <p>-Gabungan</p> <p>-Pancangan</p> <p>-Berpasangan</p> | <p>dan, serta, tetapi, lalu, sambil, atau, kecuali, maka, manakala</p> <p>yang, bahawa, kerana, bagi, apabila, sekiranya, jika, jikalau, dengan, atau, sementara, supaya, hingga, apabila, ketika, setelah, walaupun, meskipun, sungguhpun</p> <p>baik – mahupun walaupun – namun sama ada – ataupun, sungguhpun – tetapi bukan sahaja – malah/ bahkan juga</p> | <p>-Kami menyusuri pantai <u>sambil</u> menikmati keindahan matahari terbenam.</p> |
| 10. | Kata Seru | <p>Ah, Bedebah, Hai, Alamak, Eh, Alahai, Nah, Syabas, Oh, Ceh, Wahai, Wah/ Amboi, cis/cih,</p> | <p>Ah, aku tidak mahu pergi lagi!</p> <p>Nah, ambillah pen ini!</p> <p>Amboi, cantiknya rumah kamu!</p> |
| 11. | Kata Tanya | <p>Siapakah Bilakah Apakah Bagaimanakah Mengapakah Di manakah</p> | <p><u>Bilakah</u> awak akan pulangkan buku saya yang awak pinjam minggu lepas?</p> <p>Awak akan pulangkan buku saya yang awak pinjam minggu lepas bila ?</p> |
| | | jangan tolong | <u>Minta</u> kalian bertenang dan duduk di |

| | | | |
|-----|--|--|--|
| 12. | Kata Perintah | minta harap jemput sila | tempat masing-masing. <u>Jangan</u> biarkan makanan di atas meja itu tidak bertutup,” kata ibu. |
| 13. | Kata Bantu | akan belum pernah masih sedang mesti mahu hendak | Ayah saya <u>mesti</u> membaca surat khabar pada setiap pagi semasa bersarapan. Persatuan Bahasa Melayu sekolah saya <u>akan</u> melawat ke Kuala Lumpur pada cuti sekolah nanti. |
| 14. | Kata Nafi | bukan tidak | <u>Bukan</u> - untuk menafikan Frasa Nama dan Frasa Sendi <u>Tidak</u> - untuk menafikan Frasa Kerja dan Frasa Adjektif |
| 15. | Kata Sendi Nama | Di, ke, dengan Pada, kepada Dari, daripada, hingga Dalam, demi, bagi, untuk Antara, tentang, oleh, akan, Sejak, sementara, terhadap | -Buku teks Bahasa Inggeris itu ada <u>pada</u> Azman. -Barang-barang keperluan harian ini <u>untuk</u> penduduk kampung yang miskin. -Masih ada dalam kalangan murid tingkatan satu yang tidak pandai membaca dan menulis. |
| 16. | Kata Pemerih ialah – digunakan sebelum Kata Nama / Frasa Nama | ialah | Perkara yang paling penting <u>ialah semangat</u> kejiranan dalam kalangan penduduk |

| | | | |
|-----|---|--|---|
| | Adalah – digunakan sebelum Frasa Sendi Nama / Frasa Adjektif | adalah | Cara untuk menurunkan berat badan adalah dengan bersenam pada setiap hari. |
| 17. | Kata Bilangan | satu dua separuh sesetengah beberapa semua kedua-dua | Lembu peliharaan Pak Tahir ada beberapa ekor. Kedua-dua orang penjenayah itu telah berjaya diberkas oleh pihak polis |
| 18. | Kata Arah | utara hadapan atas sudut pangkal | Mereka duduk di pangkal pokok selepas penat meredah hutan. Negeri Perlis terletak di utara tanah air yang bersempadan dengan Thailand. |